



28 Mei 2021
28 May 2021
P.U. (A) 242

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (PINDAAN) (NO. 2) 2021

*PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES
(MEASURES WITHIN INFECTED LOCAL AREAS)
(AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988

**PERATURAN-PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
(LANGKAH-LANGKAH DI DALAM KAWASAN TEMPATAN JANGKITAN) (PINDAAN)
(NO. 2) 2021**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pindaan) (No. 2) 2021.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 29 Mei 2021.

Peraturan baharu 14A

2. Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2021 [P.U. (A) 225/2021], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 14 peraturan yang berikut:

“Peruntukan khas berhubung dengan kawalan pergerakan di dalam Negeri Sarawak

14A. Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, bagi tempoh mulai dari 29 Mei 2021 hingga 11 Jun 2021, kawalan pergerakan, langkah, dan apa-apa syarat bagi kawalan pergerakan dan langkah itu, bagi maksud untuk mencegah dan mengawal merebaknya Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) di dalam Negeri Sarawak, hendaklah sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah dan arahan itu hendaklah disiarkan dalam laman sesawang Majlis Keselamatan Negara.”.

Penggantian Jadual Pertama

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan jadual yang berikut:

"JADUAL PERTAMA

[Peraturan 3]

ZON DALAM NEGERI SARAWAK

1. Zon Kuching: Daerah Kuching dan Bahagian Samarahan
2. Zon Lundu: Daerah Lundu
3. Zon Bau: Daerah Bau
4. Zon Serian: Bahagian Serian
5. Zon Sri Aman: Bahagian Sri Aman
6. Zon Sarikei: Bahagian Sarikei
7. Zon Betong: Bahagian Betong
8. Zon Mukah: Bahagian Mukah
9. Zon Bintulu: Daerah Bintulu
10. Zon Tatau: Daerah Tatau
11. Zon Sebauh: Daerah Sebauh
12. Zon Miri: Daerah Miri
13. Zon Beluru: Daerah Beluru
14. Zon Subis: Daerah Subis
15. Zon Telang Usan: Daerah Telang Usan
16. Zon Marudi: Daerah Marudi
17. Zon Limbang: Bahagian Limbang
18. Zon Sibu: Daerah Sibu
19. Zon Kanowit: Daerah Kanowit
20. Zon Selangau: Daerah Selangau
21. Zon Kapit: Daerah Kapit
22. Zon Song: Daerah Song
23. Zon Belaga: Daerah Belaga
24. Zon Bukit Mabong: Daerah Bukit Mabong".